



# KOPERKASA

KOPERASI KOPERKASA SARAWAK BERHAD

<https://www.koperkasa.com.my>

Kepada,  
Semua Anggota yang dihormati,

Sila rujuk soalan lazim di bawah yang bertujuan untuk memberi penerangan dan pemahaman mengenai moratorium pembiayaan KOPERKASA serta langkah-langkah yang perlu anda lakukan.

## **SOALAN-SOALAN LAZIM KEMUDAHAN MORATORIUM PEMBIAYAAN KOPERKASA**

### **1. Apakah penangguhan pembayaran balik pembiayaan ini?**

Tawaran ini merupakan penangguhan pembayaran balik pembiayaan untuk jangka masa dua (2) bulan iaitu bulan April 2020 dan Mei 2020. Dalam tempoh ini, potongan gaji anggota masih berjalan seperti biasa tetapi bayaran yang diterima akan dibayar semula kepada anggota yang layak berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

Bayaran akan dibuat secara berperingkat:

- 1.1 Potongan bulan April 2020 akan dibayar pada bulan Mei 2020
- 1.2 Potongan bulan Mei 2020 akan dibayar pada bulan Jun 2020

### **2. Produk pembiayaan manakah yang layak mendapatkan penangguhan ini?**

Semua produk pembiayaan yang ditawarkan oleh Koperkasa.

### **3. Apakah kriteria pembiayaan anggota yang layak diberikan penangguhan secara automatik ini?**

- 3.1 Anggota tidak mempunyai tunggakan bayaran tertunggak selama 3 bulan.
- 3.2 Anggota berstatus Current Member.
- 3.3 Anggota masih berkhidmat sekurang-kurangnya 3 bulan selepas tarikh pembiayaan selesai.

### **4. Pembiayaan saya telah gagal dibayar, bolehkah saya memohon?**

Akaun pembiayaan yang sudah melebihi tunggakan 3 bulan adalah tidak layak diberikan penangguhan. Anggota dinasihati supaya menghubungi Bahagian Kawalan Kredit dan Kutipan di talian 082-424596 sambungan 111 pada waktu pejabat untuk mendapatkan bantuan atau melalui Pengurus Bahagian Kawalan Kredit dan Kutipan, Angela Julius Dusi di talian 0168975929.

## **5. Sekiranya saya bersetuju, apakah yang perlu saya lakukan?**

Anda perlu menyatakan persetujuan dan berikan maklumat berikut:

- 5.1 Nama (Mengikut Kad Pengenalan)
- 5.2 No. Kad Pengenalan Baru dan Lama
- 5.3 Nama Bank dan Nombor Akaun (*pastikan akaun bank anda aktif*)
- 5.4 No. Telefon Bimbit

Untuk mempercepatkan bayaran, maklumat di atas boleh dihantar melalui 3 pilihan cara seperti berikut:

### **Pilihan 1**

Hantar melalui emel ke [general@koperkasa.com.my](mailto:general@koperkasa.com.my)

### **Pilihan 2**

Hantar melalui **SMS** atau aplikasi **Whatsapp** ke nombor berikut:

 **0198998955**   <https://wa.link/z99ur7>

### **Pilihan 3**

Gunakan pautan “**Moratorium**” dalam sistem 

Pautan ini boleh digunakan mulai hari  **Isnin, 27 April 2020**.

Sila daftar sebagai pengguna portal di <https://www.koperkasa.com.my/mykoperkasa> terlebih dahulu sebelum anda boleh menggunakan pautan tersebut. Sekiranya anda mengalami masalah untuk mendaftar sebagai pengguna portal **myKOPERKASA**, sila maklumkan kepada Koperkasa dengan menghantar emel ke [webmaster@koperkasa.com.my](mailto:webmaster@koperkasa.com.my).

## **6. Bagaimana sekiranya saya tidak bersetuju untuk diberikan moratorium tersebut?**

Sila maklumkan kepada Koperkasa melalui 3 pilihan cara seperti yang disebutkan dalam Perkara 5 di atas.

## **7. Sekiranya saya tidak mempunyai emel, bagaimana saya hendak menghantar emel kepada Koperkasa?**

Anda boleh gunakan emel saudara terdekat atau individu yang boleh anda percaya untuk menghantar maklumat peribadi anda ke emel Koperkasa. Tiada paksaan untuk menggunakan emel rasmi jabatan anda.

**8. Saya tidak dapat mengemukakan maklumat secara online, bagaimana cara saya boleh maklumkan kepada Koperkasa?**

Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, Ibu Pejabat dan semua Pejabat Cawangan adalah ditutup maka semua urusan adalah dibuat secara online. Oleh yang demikian, anda perlu mengemukakan maklumat secara online melalui 3 pilihan cara seperti yang disebutkan dalam Perkara 5.

Setelah operasi pejabat dibuka semula nanti, anda boleh berhubung dengan pegawai dari Bahagian Kawalan Kredit dan Kutipan di talian 082-424596 sambungan 111 atau pegawai Pejabat Cawangan terdekat di talian berikut:

Pejabat Cawangan Sri Aman	: 082-320487
Pejabat Cawangan Sibu	: 084-210445
Pejabat Cawangan Sarikei	: 084-656673
Pejabat Cawangan Miri	: 085-410644
Pejabat Cawangan Limbang	: 085-216825
Pejabat Cawangan Bintulu	: 086-338199

**9. Saya tidak mahu dibayar secara kredit terus ke dalam akaun bank, bolehkah saya dibayar menggunakan cek?**

Boleh. Anda perlu maklumkan kepada Koperkasa dengan menghantar emel ke [general@koperkasa.com.my](mailto:general@koperkasa.com.my). Proses bayaran menggunakan cek akan mengambil masa yang lebih lama. Fi proses sebanyak Rm3.00 akan dikenakan dan sekiranya anda hendak membatalkan cek berpalang, anda perlu membayar caj sebanyak RM10.00.

**10. Adakah saya akan dikenakan faedah/keuntungan tambahan atas jumlah bayaran balik yang ditangguhkan selama dua (2) bulan tersebut?**

Tidak. Tiada faedah/keuntungan tambahan dikenakan.

**11. Adakah potongan gaji saya dihentikan untuk tempoh dua (2) bulan tersebut?**

Tidak. Potongan gaji masih berjalan seperti biasa.

**12. Adakah berlaku peningkatan dalam bayaran bulanan atau tempoh akan menjadi lebih lama?**

Tempoh pembiayaan akan dilanjutkan selama dua (2) bulan dari tarikh matang asal. Contohnya, pembiayaan anda selesai pada bulan Disember 2020. Selepas moratorium, pembiayaan anda akan selesai pada bulan Februari 2021.

**13. Adakah program penangguhan ini dikenakan kepada pembiayaan baru dilulus/dikeluarkan?**

Tidak. Penangguhan ini hanya terpakai kepada semua pembiayaan yang telah ada bayaran diterima melalui potongan gaji bagi tempoh tiga (3) bulan sahaja.

**14. Adakah saya masih boleh memohon untuk kemudahan pembiayaan baru semasa tempoh penangguhan ini?**

Ya boleh.

**15. Bagaimana saya tahu bayaran telah dikredit ke akaun saya?**

Anda akan dimaklumkan melalui sms.

**16. Untuk maklumat lanjut yang perlu saya hubungi?**

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

(a) Bahagian Kawalan Kredit dan Kutipan di talian 082-424596 sambungan 111 atau emel ke [npl@koperkasa.com.my](mailto:npl@koperkasa.com.my)

(b) Bahagian Pembiayaan di talian 082-424596 sambungan 140 atau emel ke [pembiayaan@koperkasa.com.my](mailto:pembiayaan@koperkasa.com.my)

(c) Sebagai alternatif pada masa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, berikut adalah senarai nombor telefon pegawai Koperkasa:

Bil.	Nama	Jawatan	No. Tel. Bimbit
1	Haji Jaya Suria Bin Muss	Pengurus Besar	0168722317
2	Connie Stephen Jampi	Pengurus Kanan Pentadbiran & Modal Insan	0198229400
3	See Mui Ling	Pengurus Kewangan & akaun	0168675033
4	Lynn Angeline Ganguly	Pengurus Pembangunan Perniagaan & Komunikasi	0128871971
5	Abdul Razib Bin Abdillah	Pengurus ICT	0198765594
6	Ho Ho Lian	Pengurus Keanggotaan	0168653711
7	Lim Siok Chin	Pengurus Pembiayaan	0128869222
8	Hashimah Wahab	Pengurus Perkasa Ar-Rahnu	01115428660
9	Angela Julius Dusi	Pengurus Kawalan Kredit & Kutipan	0168975929
10	Peggy Henry Janting	Pegawai Pejabat Cawangan Sri Aman	01110200409
11	Dorthy Bija Muling	Pegawai Pejabat Cawangan Sarikei	0198661771
12	Ishak Bin Zaini	Pegawai Pejabat Cawangan Sibu	0162193817
13	Nariah Binti Ismail	Pegawai Pejabat Cawangan Bintulu	0128966405
14	Jamaluddin Bin Kalam	Pegawai Pejabat Cawangan Miri	0168650657
15	Hjh Siros Binti Ahmad @Rose Binti Ahmed	Pegawai Pejabat Cawangan Limbang	0194682083

**“Kesetiaan Anggota, Keteguhan Koperasi”**